

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEEMPAT  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
26 NOVEMBER 2021**

**PERKARA : 4(A)40**

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI PINANG  
YB. LIM SIEW KHIM**

40. Konsep Keluarga Malaysia telah dilancarkan oleh Kerajaan Persekutuan di bawah kepimpinan Perdana Menteri baru-baru ini.
- (a) Nyatakan perancangan yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri bagi memastikan konsep ini dapat direalisasikan di Pulau Pinang serta adakah terdapat sebarang peruntukan bagi menjayakan strategik ini untuk pemulihan negara?

**JAWAPAN OLEH Y.A.B. KETUA MENTERI**

40. Matlamat Keluarga Malaysia adalah sebagai aspirasi jangka masa panjang yang kalis cabaran masa hadapan dalam mencapai status negara maju dan berpendapatan tinggi berlandaskan keberhasilan kebahagiaan. Sememangnya konsep Keluarga Malaysia yang baru diperkenalkan ini adalah sejajar dengan wawasan Kerajaan Negeri iaitu Penang2030: Negeri Pintar dan Hijau Berteraskan Keluarga Inspirasi Negara. Tiada peruntukan khas yang dikhususkan untuk pelaksanaan konsep Keluarga Malaysia di Pulau Pinang. Namun, Kerajaan Negeri

akan sentiasa berganding bahu dengan Kerajaan Persekutuan untuk menjayakan strategik ini bagi pemulihan negara.